

CNS8112

U GB 18-01 00172 BA549

bah

Parlimen - Mahathir (Pindaan)

PM SEDIH KERANA TERPAKSA BENTANG PINDAAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa sedihnya kerana terpaksa mencemarkan nama baik raja menerusi pembentangan satu rang undang-undang ke Parlimen untuk membatasi imuniti raja-raja dari segi undang-undang.

"Saya berasa amat sedih kerana pada hari ini terpaksa mengemukakan kepada dewan yang mulia ini satu rang undang-undang untuk meminda perlembagaan yang sedikit sebanyak mencemar nama baik raja dan institusi raja.

"Dengan hati yang berat saya mengemukakan dan mengulas pindaan-pindaan yang dicadangkan ini," katanya semasa membentangkan rang undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 pada persidangan khas Dewan Rakyat di sini.

Dr Mahathir berkata keputusan kerajaan meminda perlembagaan itu bukannya tanpa sebab.

"Sebenarnya seperti yang telah saya katakan kerajaan telah mengelak daripada membuat pindaan ini semenjak daripada mula kita mencapai kemerdekaan.

"Kita mengelak kerana ingin menjaga maruah raja-raja. Tetapi pendekatan secara ini tidak meredakan keadaan, sebaliknya keadaan menjadi lebih buruk."

-- Lagi.

▼18/01/18-12MST

CNS8122

U GB 18-01 00148 BA550

bah

Parlimen - Mahathir (Pindaan) 2 Kuala Lumpur

Sebagai contoh Perdana Menteri merujuk mengenai masalah menasihati raja. Mengikut Perlembagaan, kerajaan berhak menasihati raja dan raja dikehendaki menerima nasihat kerajaan.

Apa yang berlaku, katanya, raja-raja sering memegang tafsiran salah bahawa nasihat kerajaan boleh diterima atau ditolak, dan ada raja menganggap dia tidak perlu diberi nasihat.

"Jika kerajaan diakui terdiri daripada wakil-akil yang dipilih oleh rakyat untuk menentukan rakyat berkuasa, tetapi nasihat kerajaan berkemungkinan tidak diterima, ini bererti demokrasi berparlimen tidak wujud dan rakyat tidak berkuasa sepenuhnya," kata beliau.

"Masalah yang dihadapi hari ini berpunca daripada pendapat bahawa raja boleh membelakangkan kerajaan rakyat. Tindakan curang yang berlaku adalah kerana nasihat tidak dihiraukan."

"Dengan kemungkinan raja menolak nasihat serta bebas daripada teguran dan sebarang tindakan keadilan, maka raja sebenarnya bukan raja berperlembagaan lagi tetapi menjadi raja mutlak." -- Lagi.

▼18/01/18-15MST

CNS8139

U GB 18-01 00124 BA552

bah

Parlimen - Mahathir (Pindaan) 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata sekali lagi demokrasi berparlimen tidak wujud kerana tidak ada tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap raja yang tidak menerima nasihat kerajaan rakyat dan melakukan kesalahan.

Katanya, jika ini berterusan maka kerajaan demokrasi berparlimen tidak dapat wujud sepenuhnya dan sebenarnya. Inilah sebabnya kerajaan membawa pindaan ini kepada Dewan.

Beliau berkata jika proses itu dipertikaikan maka keputusan boleh dibuat oleh mahkamah.

Dr Mahathir berkata sebagai kerajaan yang berpegang teguh kepada undang-undang dan peraturan, kerajaan akan patuh kepada keputusan mahkamah.

Beliau seterusnya meminta raja-raja supaya tidak melihat pindaan itu daripada sudut undang-undang sahaja, sebaliknya ia perlu dilihat daripada sudut politik juga. -- Lagi.

▼18/01/18-25MST .

CNS8231

R GB 18-01 00274 BA557

bah

Parlimen - Mahathir (Pindaan) 4 (Akhir) Kuala Lumpur

"Saya berharap Raja-Raja Melayu akan mengambil iktibar daripada sejarah negara, khususnya sejarah Malayan Union dan menerima kehendak politik negara.

"Walaupun tanda-tanda menunjukkan bahawa raja-raja tidak menerima pindaan ini, saya berharap selepas pindaan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Raja-Raja Melayu akan menerima dan meluluskan undang-undang ini," kata Perdana Menteri.

Pindaan-pindaan yang dibentangkan oleh Dr Mahathir ialah;

+ Perkara 32 untuk menarik balik kekebalan seseorang raja terhadap prosiding undang-undang dalam mana-mana mahkamah atas sifat peribadinya.

+ Perkara 181 di mana raja boleh didakwa di mahkamah sekiranya melakukan kesalahan jenayah dan sivil atas sifat dirinya sendiri.

+ Perkara 63 membolehkan anggota Parlimen membahaskan isu berkaitan raja-raja secara bebas dan terbuka di Dewan Rakyat dan Dewan Negara tetapi tidak boleh membuat kenyataan yang boleh dianggap sebagai bertujuan menghapuskan institusi raja.

+ Pindaan 72 membolehkan anggota Dewan Undangan Negeri membahaskan perkara-perkara berkaitan dengan raja-raja secara bebas dan terbuka di dewan itu tetapi tidak boleh membuat kenyataan yang boleh dianggap sebagai bertujuan menghapuskan institusi raja-raja.

+ Perkara 42 raja-raja tidak boleh mengampunkan diri sendiri, putera dan puteri baginda, kaum kerabat dan orang yang dekat dengan baginda, dan begitu juga Yang Dipertua Negeri. Seorang raja yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja akan mempengerusikan jemaah pengampunan yang membincangkan kesalahan raja, manakala ketua menteri akan mempengerusikan lembaga pengampunan di negeri masing-masing bagi kesalahan yang dilakukan oleh Yang Dipertua Negeri.

+Pindaan 38 menambah bidang tugas Majlis Raja-Raja iaitu +memberi ampun, reprieve dan respite, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman-hukuman di bawah Fasal (12) Perkara 42. -> Bernama.

▼18/01/19-18MST